

TARIKH : 23 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 49

‘Kita belum sedia laksana pendapatan asas sejagat’

## ‘Kita belum sedia laksana pendapatan asas sejagat’

Malaysia perlu perkukuh dahulu kedudukan fiskal, satukan bantuan tunai sedia ada

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Kerajaan perlu mengukuhkan kedudukan fiskal dan menyatukan bantuan tunai sedia ada sebelum memutuskan untuk melaksanakan inisiatif pendapatan asas sejagat.

Pendapatan asas sejagat adalah program kerajaan yang mana wang sara hidup asas atau pendapatan tahunan terjamin disediakan membabitkan pendapatan tertentu kepada semua individu secara berkala tanpa perlu ujian saaran atau syarat pekerjaan.

Pelaksanaannya masih dibincangkan kebanyakan negara dengan matlamat untuk mengurangkan kemiskinan dan menggantikan program sosial berasaskan keperluan lain yang berpotensi memerlukan pembabitan birokrasi yang lebih besar.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata jurang masih besar untuk negara sampai ke peringkat melaksanakan pendapatan asas sejagat.

Beliau berkata, pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat

(IPR) ketika ini bukan inisiatif untuk menggantikan pelaksanaan pendapatan asas sejagat.

### IPR inisiatif berbeza

Sebaliknya, beliau berkata, IPR adalah inisiatif berbeza yang mempunyai sasaran khusus untuk membolehkan golongan berpendapatan paling rendah di negara ini mempunyai aliran pendapatan yang mampan, pada masa sama, memperbaiki isu struktural seperti bekalan makanan.

Manakala, pendapatan asas sejagat pula, jelasnya adalah satu inisiatif berbeza kerana ia sangat bergantung kepada kedudukan fiskal kerajaan.

“Sebaiknya kita mahu menyatukan seberapa banyak sistem bantuan tunai yang terpisah-pisah kita ada, tetapi (ia) perlu melalui langkah demi langkah.

“Sepanjang proses itu membolehkan kita menilai dengan lebih baik sama ada mahu menggunakan pendekatan pendapatan asas sejagat kerana jurang masih besar untuk sampai ke situ (laksana pendapatan asas sejagat),” katanya kepada media selepas Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga kementerian di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas sama ada IPR adalah inisiatif gantian bagi pelaksanaan pendapatan asas sejagat

Rafizi menegaskan fokus kerajaan adalah mengukuhkan kedudukan fiskal dahulu yang mana ia penting bagi negara.

Beliau berkata, dengan kedu-



Rafizi menyampaikan ucapan pada Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga kementerian di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

dukan fiskal kukuh membolehkan kerajaan melaksanakan program bantuan kepada rakyat.

### Percepat ekonomi digital

Sementara itu, dalam ucapannya pada Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga kementerian itu, Rafizi berkata, pada beberapa bulan ini, kementerian akan menumpukan usaha mempercepatkan pelaksanaan ekonomi digital, peralihan tenaga serta

kebolehpasaran pekerjaan membabitkan golongan muda di negara ini.

Beliau berkata, kementerian juga bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan melancarkan program inovasi dalam beberapa minggu lagi.

Katanya, program inovasi yang akan dilancarkan itu bertujuan untuk mengarusperdanakan inovasi di negara ini.